

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: ITU-UUM ASP CoE
Sent: 15 Mei 2016 16:45
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: KEMBARA ITU-UUM KE TASIK TERSEMBUNYI UUM



**ITU-UUM ASP CoE
for Rural ICT Development**
INTERNATIONAL TELECOMMUNICATION UNION/UNIVERSITI
UTARA MALAYSIA ASIA-PACIFIC CENTRE OF EXCELLENCE
Universiti Utara Malaysia



15 MEI 2016 / 07 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

KEMBARA ITU-UUM KE TASIK TERSEMBUNYI UUM



Pada 12 Mei 2016 yang lalu, Kelab Kebajikan ITU-UUM telah mengadakan aktiviti riadah kembara ke Tasik Tersembunyi UUM. Aktiviti ini merupakan cetusan idea daripada Dr. Mohd Shamrie Sainin, Timbalan Pengarah memangku tugas Pengarah ITU-UUM dan melibatkan semua staf ITU-UUM. Aktiviti dimulakan pada pukul 8.30 pagi dengan penuh semangat oleh semua staf.

Aktiviti ini juga bertepatan dengan tema “DISCOVER UUM 2016” di mana Tasik Tersembunyi merupakan antara tarikan terbaru di UUM yang perlu di kunjungi oleh semua staf. Sehubungan itu, perjalanan ke Tasik Tersembunyi yang merupakan kali pertama buat kalangan staf merupakan antara kenangan terindah sambil menikmati keindahan alam semulajadi di sepanjang perjalanan. Aktiviti yang diketuai oleh Dr. Shamrie Sainin juga memberi peluang kepada semua staf untuk saling bertukar pendapat dan mengeratkan lagi ukhwah yang telah terjalin.

Aktiviti kembara ini tamat pada pukul 12.00 tengahari bersama lakaran indah memori di Tasik Tersembunyi UUM.

Sekian.

=====

DARIPADA:

ITU-UUM ASIA PACIFIC CENTRE OF EXCELLENCE FOR RURAL ICT
DEVELOPMENT

CONVENTION COMPLEX

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM SINTOK

TEL : +(6) 04-928 4951 FAKS : +(6) 04-928 4959

E-MAIL : itu@uum.edu.my

Website : www.itu.uum.edu.my

